

Prakata

Kemahiran menulis adalah salah satu kemahiran yang menjadi tumpuan utama guru-guru di sekolah. Pelbagai genre yang diajar kepada pelajar untuk melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran. Kemahiran ini juga menjadi tumpuan utama dalam projek antologi CITRA. Projek yang berkesinambungan daripada Program Penyerapan ke luar negara ini telah memberikan pendedahan kepada guru peserta dalam bidang penulisan. Guru peserta diberi kesempatan untuk membina kemahiran mereka melalui pendedahan kepada penulis-penulis negara yang dilawati dan membuat penelitian mengenai cara hidup masyarakat setempat. Pengisian maklumat dan pengalaman berada di negara lain ini amat membantu guru peserta dalam membina pengetahuan lantas boleh diaplikasikan di dalam penulisan mereka.

Projek antologi cerpen CITRA ini memungkinkan guru peserta menghurai isu-isu sosial, emosi, psikologi, kewangan, semangat juang dan keusahawanan. Guru peserta juga dapat menyampaikannya menerusi watak dan perwatakan yang rapat dengan kehidupan masyarakat kini yang meliputi dari peringkat pelajar sehinggalah warga senja. Ini merupakan pemerhatian guru peserta yang menunjukkan kepekaan mereka terhadap apa yang berlaku di sekelilingi mereka serta mampu membuat perbandingan dengan masyarakat negara-negara yang mereka lawati.

Seorang guru dan penulis yang mapan dalam bidang penulisan, Cikgu Ishak Latiff; telah menyumbangkan kepakaran beliau dalam membimbing dan memberi panduan kepada guru peserta bagi menghasilkan karya mereka. Perkongsian pengalaman menulis beliau memberikan satu perspektif baharu bagi menghasilkan karya yang akan dibaca oleh guru dan pelajar.

Moga dengan terlahirnya antologi CITRA ini akan menyediakan satu wadah kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk berkarya secara kreatif dan menyumbang kepada pengembangan bahan bacaan Bahasa Melayu.

Redaksi